



# Tangani rokok seludup dalam Belanjawan 2021

**Kerajaan serius perangi isu, elak rugi RM5 bilion setiap tahun**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Isu penyeludupan kontraband, arak dan rokok adalah masalah besar dan amat serius di mana-mana negara.

Malaysia juga turut berdepan masalah isu penyeludupan yang tidak pernah ada kesudahannya.

Media sebelum ini, melaporkan negara kini berdepan kerugian tahunan RM5 bilion dari segi kutipan cukai akibat pasaran rokok seludup dan penyeludup mengambil kesempatan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasakan pada Mac lalu.

Sebanyak 64.5 peratus rokok di pasaran tidak membayar cukai, sekali gus ini bermakna enam daripada 10 rokok dijual secara tidak sah.

Kajian Rokok Seludup Malaysia (ICS) pertengahan tahun lalu pula mendapati, perdagangan rokok seludup di Malaysia adalah yang tertinggi di dunia iaitu sekitar 65 peratus, berbanding rokok sah.

Sehubungan itu, ia memerlukan tindakan tegas dan segera daripada kerajaan, khususnya dengan meningkatkan kecekapan agensi penguatkuasaan.

Kementerian Kewangan pada Januari lalu mengumumkan mengaktifkan semula Pasukan Petugas Pelbagai Agensi (MATF) pada bagi menangani krisis penyeludupan.

Antara agensi MATF ialah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Malah, pasukan ini diperkuatkan oleh kerajaan dengan menambah beberapa lagi agensi di dalamnya iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Lembaga Kenaf dan Tembakau Malaysia (LKTM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagaimanapun, ternyata Indeks Prestasi Utama (KPI) yang lebih kuat perlu diberikan kepada MATF supaya usaha menggempur aktiviti penyeludupan dapat dilaksanakan lebih berkesan.

Apatah lagi, apabila melihat kes penyeludupan rokok haram di negara ini seolah-olah terus bermaharajalela, buktinya dengan peningkatan jumlah kes masih tinggi.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika ditanya mengenai langkah kerajaan mengaktifkan semula MATF, berkata ia akan dibentangkan pada belanjawan nanti.

Beliau berkata, kerajaan serius untuk memerangi isu rokok haram dan akan mengumumkan langkah menangani masalah berkenaan dalam pembentangan Belanjawan 2021 Jumaat ini.

"Tunggu belanjawan, apa yang saya boleh katakan adalah kita merancang untuk menangani isu ini. Memang ia isu serius dan kita perlu mengatasinya dengan cara yang betul," katanya pada satu temu bual bersama akhbar kumpulan NSTP di sini, baru-baru ini.

Tengku Zafrul berkata, kutipan hasil cukai daripada industri tembakau pada tahun ini adalah lebih baik daripada tahun lalu.

"Saya tidak ada angkanya, tetapi kutipan tahun ini lebih tinggi daripada tahun lalu, tetapi jurangannya masih lagi besar.

"Justeru, masih banyak yang perlu dilakukan kerana kerajaan mengalami kerugian besar dari segi kutipan hasil cukai yang tidak dapat dikutip dianggarkan RM5 bilion.

"Kerugian ini didedahkan per-

satunya rokok Malaysia, kita masih belum menjalankan kajian kita sendiri mengenai perkara ini, tetapi saya fikir kajian mereka boleh digunakan kerana mereka yang berada di lapangan," katanya.

Beliau berkata, meningkatkan penguatkuasaan antara langkah bakal diambil bagi mengekang masalah rokok haram daripada terus berleluasa.

Namun, katanya, beliau tidak mengangap menaikkan cukai adalah penyelesaian terbaik kerana ia akan meningkatkan lagi jurang harga di antara rokok sah dengan haram, sekali gus menggalakkan lagi penyeludupan rokok haram untuk terus berlaku.

"Ya, kita perlu melakukan sesuatu dan seharusnya mengubah cara kita melakukan sesuatu. Saya akan menggariskan perkara ini ketika pembentangan belanjawan nanti mengenai bagaimana cara kita menangani masalah ini.

"Memang tidak boleh untuk capai sifar peratus ketirisan, tetapi sekurang-kurangnya perlu kurangkan ketirisan ini yang mana ia menyebabkan hasil negara menjadi semakin berkurangan.

"Saya fikir meningkatkan kadar cukai tidak akan menyelesaikan masalah ini kerana akan menyebabkan rakyat terus membeli rokok haram disebabkan harganya jauh lebih rendah daripada rokok sah. Tetapi saya juga tidak akan mengurangkan cukainya kerana ia akan meningkatkan kos kesihatan pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia (MACFE), Datuk Seri Akhbar Satar, berkata langkah kerajaan menghidupkan semula MATF dengan menambah beberapa agensi, diyakini dapat membantu usaha memerangi perdagangan rokok haram dengan lebih berkesan.

Beliau berkata, MATF diketuai JKDM, kini boleh bergerak lebih sistematik dengan kerjasama be-

berapa agensi seperti MKN, polis dan tentera.

Pertambahan agensi itu, katanya, membolehkan perkongsian maklumat lebih meluas dan mempelbagaikan aset penguatkuasaan yang boleh digunakan dalam menyekat serta menghapuskan krisis rokok kontraband di negara ini.

"Ini kali pertama saya melihat kerjasama antara agensi yang memiliki potensi besar seperti ini. MATF ini membolehkan lebih banyak anggota dan aset digunakan untuk mengesan serta menghapuskan usaha penyeludupan rokok melalui air dan darat.

"Namun, aset seperti bot saja tidak mencukupi untuk melawan sindiket penyeludupan rokok haram ini, sebaliknya kerajaan perlu menambah aset lain seperti dron dan radar radar yang lebih berkesan bagi mengelak ketirisan sekitar RM6 bilion daripada aktiviti ini" katanya.

Akhbar yang juga penganalisis jenayah berkata, penguatkuasaan yang lemah menyebabkan Malaysia menjadi sasaran sindiket rokok seludup, manakala sikap rakyat Malaysia memilih rokok haram walaupun ia jelas melanggar undang-undang juga tidak membantu keadaan.

"Enam atau tujuh daripada 10 orang beli rokok seludup berbanding rokok sah. Ramai perokok ada masalah integriti dalam isu ini kerana jelas ia salah di sisi undang-undang," katanya.

Selain itu, Akhbar berkata, beberapa masalah lain turut menyumbang kepada peningkatan perdagangan rokok kontraband di Malaysia seperti kerosakan beberapa alat pengimbas kontena yang digunakan JKDM di pelabuhan, campur tangan politik dan isu integriti penguat kuasa.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan memberi tumpuan penuh meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan di pelabuhan, memandangkan aktiviti penyeludupan rokok haram kebanyakan menerusi kontena



**Tunggu belanjawan, apa yang saya boleh katakan adalah kita merancang untuk menangani isu ini. Memang ia isu serius dan kita perlu mengatasinya dengan cara yang betul.**

**Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan**

di pelabuhan.

"Kerajaan perlu beri tumpuan memperkukuh penguatkuasaan JKDM, khususnya di Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas di Johor. Pastikan alat pengimbas berfungsi dan anggota mencukupi, ini boleh dilaksanakan menerusi MATF.

"JKDM juga perlu menapis anggotanya dan memastikan hanya yang berintegriti ditempatkan di lokasi berisiko tinggi. Mereka juga perlu ditukar sekurang-kurangnya setiap tiga tahun supaya tidak sempat digoda sindiket," katanya.

Akhbar turut menyarankan MATF memberi tumpuan untuk menumpaskan sindiket penyeludupan rokok haram dan bukan penjual semata-mata kerana ia punca masalah itu berlarutan sejak sekian lama.

"Kita jarang dengar berita sindiket rokok seludup tumpas. Kita perlukan anggota penguat kuasa yang tegas seperti Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, yang dilihat berjaya menggentarkan kumpulan sindiket," katanya.